

KENYATAAN MEDIA

SEDANIA dinobatkan "Best Islamic Technology Provider"

SEDANIA As Salam memenangi anugerah "Best Islamic Technology Provider" oleh Islamic Finance News

KUALA LUMPUR (25 OKTOBER): SEDANIA As Salam Capital Sdn Bhd (SEDANIA As Salam), unit teknologi kewangan (fintech) SEDANIA Innovator Berhad, sekali lagi meraih kejayaan dengan merangkul gelaran "*Best Islamic Technology Provider*" oleh Islamic Finance News (IFN). Pencapaian ini merupakan penghargaan antarabangsa ketiga bagi SEDANIA As Salam pada tahun ini, menjadikan mereka sebagai peneraju dalam bidang fintech Islam.

IFN, suara utama dalam industri kewangan Islam, pada julung kalinya melihat peningkatan pengumpulan undi terbesar di dalam *IFN Service Providers Poll 2023* senarai kedudukan industri. Kejayaan SEDANIA As Salam ini amat membanggakan, seterusnya mengukuhkan status mereka sebagai kuasa baru dalam landskap kewangan Islam.

Anugerah terbaharu ini menyertai rentetan pencapaian luar biasa oleh SEDANIA As Salam pada tahun 2023. Sejak penubuhannya, mereka telah mentakrifkan semula sempadan fintech Islam dengan penyelesaian canggih dan inovatif yang diingini di mata dunia.

Nisa Ismail, Ketua Pegawai Eksekutif SEDANIA As Salam, berkata "Pengiktirafan tersohor ini membuktikan keupayaan kukuh SEDANIA As Salam dalam menerajui kelancaran evolusi digital sektor perkhidmatan kewangan. Dengan ini, ia mempercepatkan penggunaan perbankan digital di Malaysia dan seterusnya."

"Pencapaian ini hanya dapat diraih dengan hasil kerjasama rakan teknologi global, di mana kami telah menggabungkan teknologi untuk mewujudkan ekosistem yang membolehkan penubuhan digital dan neobank. Kerjasama padu dan strategik ini meletakkan kami di kedudukan yang lebih baik untuk menyediakan infrastruktur digital yang inovatif untuk perkhidmatan pelanggan yang lancar."

Selaras dengan komitmen mereka terhadap prinsip Islam, SEDANIA As Salam baru-baru ini mengumumkan pembentukan jawatankuasa Syariah dalaman. Jawatankuasa ini telah memainkan peranan penting dalam memastikan pematuhan Syariah terhadap penyelesaian teknologi mereka. SEDANIA As Salam telah menerima kelulusan pematuhan Syariah daripada organisasi ternama seperti AAOIFI, IBFIM, dan Afsha Shariah Advisory. Ini mengukuhkan komitmen mereka bagi menyediakan perkhidmatan fintech yang Halal dan patuh Syariah.

Kejayaan SEDANIA As Salam memenangi anugerah *Best Islamic Technology Provider* oleh IFN mengukuhkan lagi kedudukan mereka dalam sektor kewangan dan teknologi Islam. Dengan penyelesaian inovatif dan dedikasi mereka terhadap pematuhan Syariah, mereka terus mengetuai dan memimpin jalan dalam memenuhi keperluan unik industri kewangan Islam.

– TAMAT –

Mengenai Sedania As Salam Capital Sdn Bhd

SEDANIA As Salam Capital Sdn Bhd (SASC), anak syarikat milik penuh SEDANIA Innovator Berhad, adalah penyedia teknologi yang memperkasakan institusi kewangan dengan penyelesaian teknologi kewangan Islam yang inovatif dan membolehkan transformasi perbankan digital yang lancar.

Secara terasnya adalah As-Sidq, sebuah platform dagangan komoditi digital patuh Syariah dipatenkan yang diperkasakan oleh perkhidmatan proprietari telcotech perkongsian waktu berbual atau Airtime Sharing (ATS) untuk memudahkan pembrokeran komoditi digital yang selamat, boleh digunakan secara langsung pada bila-bila masa untuk keperluan Tawarruq (komoditi murabahah) institusi kewangan. Sehingga kini, platform As-Sidq telah memperkasakan hampir 95 institusi perkhidmatan kewangan di Malaysia.

Sebagai rakan kongsi eksklusif syarikat amanah patuh Syariah terkemuka Wasiyyah Shoppe, ia juga menawarkan penyelesaian perancangan kekayaan dan pengurusan pusaka kepada masyarakat Islam melalui platform hibah digital hujung ke hujung yang lengkap dengan kerjasama Wasiyyah Shoppe, syarikat amanah patuh Syariah No. 1 di Malaysia.

Dengan penyelesaian fintechnya yang disesuaikan ke arah menambah baik rangkuman kewangan dengan meluaskan akses kepada pembiayaan secara digital dalam kalangan komuniti dan perkhidmatan telcotech ATSnya yang membolehkan pengguna mudah alih berkongsi kredit masa siaran antara satu sama lain dari lokasi yang berbeza, Sedania As Salam Capital berada pada kedudukan yang strategik untuk meningkatkan kehidupan secara lestari untuk pengguna melalui rangkaian teknologi inovatifnya yang sentiasa berkembang.

Log masuk ke laman web syarikat kami di <https://www.sedaniaassalam.com/> untuk mengetahui lebih lanjut mengenai penyelesaian teknologi kewangannya.

FOR IMMEDIATE RELEASE



Untuk pertanyaan lebih lanjut, sila hubungi:

Ilya Amira

SEDANIA Innovator Berhad

Tel: 03-7880 2001 / +6013 2288 005

Emel: media@sedaniainnovator.com